

Penyumbang perubahan Kajang

KUALA LUMPUR - Tidak keterlaluan jika dikatakan Sate Kajang Haji Samuri bukan sekadar sebahagian menu utama dalam kalangan masyarakat tetapi turut menyumbang ke arah perubahan landskap sosioekonomi di Kajang.

Mula beroperasi di gerai No 5 di Medan Sate Kajang pada tahun 1992, Sate Kajang Haji Samuri menjadi begitu sinonim dengan pekan Kajang selepas pengasasnya Allahyarham Datuk Samuri

Juraimi menjenamakan semula produk makanan itu selain memberi perspektif yang lebih segar dan diterima luas masyarakat.

Seorang penggemar, Prof Datuk Dr Mohamed Fadzil Che Din berkata selain membentuk hubungan sosial yang positif, Sate Kajang Haji Samuri banyak memberikan sumbangan terhadap pembangunan ekonomi dan sosial negara, khususnya di Kajang.

"Antara sumbangannya ialah pembangunan ekonomi masyarakat Melayu melalui wujudnya rangkaian perniagaan Sate Kajang Haji Samuri di mana banyak peluang dibuka kepada mereka untuk menceburi rangkaian perniagaan tersebut.

"Selain itu, penjenamaan semula makanan berkenaan berjaya menjadi lambang perpaduan masyarakat di Malaysia kerana bukan sahaja Melayu, tetapi juga India dan Cina menghargai serta menikmati sate sekali gus menjadikan ia antara hidangan utama negara," katanya.

Mohamed Fadzil yang juga Timbalan



MOHAMED FADZIL

Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, berkata penjenamaan semula Sate Kajang secara tidak langsung menaikkan imej Kajang yang kekuatannya sebelum ini dibayangi imej dua daerah berjiran iaitu Bangi dan Serdang.

Jelasnya, Bangi dan Serdang masing-masing mempunyai jenama mereka sendiri yang menyebabkan kedua-dua bandar itu terkenal dalam kalangan masyarakat

iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang.

"Nama pekan Kajang menjadi lebih dikenali selepas penjenamaan semula Sate Kajang Haji Samuri dan kini menjadi lebih terkenal setelah pelancaran Fasa 2 Laluan Sungai Buloh-Kajang Transit Aliran Massa (MRT), yang menempatkan hentian stesen MRT Stadium Kajang.

"Kita dapat lihat bagaimana penjenamaan semula sate Kajang memberi impak yang besar kepada pembangunan ekonomi dan infrastruktur di Kajang," katanya yang mengenali Sate Kajang Haji Samuri ketika bergelar pelajar di UPM dan menikmati hidangan itu setiap bulan sebagai hadiah motivasi diri.

"Pada majlis graduasi, saya merupakan penerima Hadiah Pingat Emas Canselor UPM dan kakak ipar meraikan kejayaan saya di restoran Sate Kajang Hj Samuri. Jadi memang ada nostalgia dengan sate Haji Samuri ni," katanya

- Bernama